

Newspaper	Berita Harian
Date	17/08/2017B

KEKECOHAN FORUM NOTHING TO HIDE 2.0

# Situasi tegang didakwa dirancang ahli PPBM

BH-17/8/2017  
Pg. 9

**Shah Alam:** Kekecohan di forum *Nothing to Hide 2.0* di sini, Ahad lalu didakwa dirancang sendiri oleh ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Dakwaan itu dibuat Pengarah Logistik dan Gerak Gempur Keselamatan PPBM Bahagian Shah Alam, Wan Mohammad Ashraf Nasjaruddin yang turut mendakwa beliau dijadikan sasaran urus setia dan penganjur forum itu.

"Saya hampir terkena kerusi besi yang dibaling dari tingkat atas Kompleks Belia dan Kebudayaan yang menjadi lokasi forum itu.

"Ketua Pemuda PPBM, Syed Saddiq Abdul Rahman cakap kerusi itu disasarkan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad tetapi mengapa ia hampir mengenai saya yang berada jauh dari Dr Mahathir?"

"Saya yakin ini semua perancangan orang dalam PPBM sendiri yang cuba menyekat saya daripada bertanya soalan kepada Dr Mahathir, kerana insiden itu berlaku sebaik tiba giliran saya untuk bertanya," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam, di sini, semalam.

Beliau berkata, keberaniannya yang sebelum ini membuat laporan mengenai kekayaan anak pengerusi PPBM itu juga berkemungkinan menjadi punca beliau tidak dibenarkan bertanya soalan pada forum berkenaan.

## Desak letak jawatan

"Saya mendesak Syed Saddiq untuk meletak jawatan sebagai Ketua Armada Pemuda PPBM kerana be-



**Wan Mohammad Ashraf (dua dari kiri) menunjukkan laporan polis** dirinya menjadi mangsa keganasan ketika program *Nothing To Hide 2.0* di Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, semalam.

liau tidak layak memegang jawatan berkenaan.

"Beliau gagal menjaga kebajikan ahli di bawahnya dan mengawal situasi sehingga timbul kekecohan pada forum berkenaan.

"Mereka cakap *Nothing to Hide* tetapi semua mahu disembunyikan daripada ahli akar umbi yang menyokong perjuangan PPBM selama ini," katanya.

Wan Mohammad Ashraf berkata, beliau bersama 3,000 ahli yang dibawa masuk ke dalam parti itu tidak akan keluar daripada PPBM tetapi akan menentang dari dalam sehingga Ketua Armada Pemuda PPBM itu meletak jawatan.

Ahad lalu, suasana forum itu menjadi mula tegang ketika Dr Mahathir menjawab soalan seorang hadirin yang bertanya sama

ada sabitan kes liwat terhadap Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika era pentadbirannya adalah benar atau hanya bermotifkan politik.

Keadaan bertukar menjadi kecoh selepas seorang lagi hadirin meminta Dr Mahathir mengulas mengenai kejadian Memali di Kedah pada 1985 selepas tidak berpuas hati dengan jawapan bekas perdana menteri itu.

## Polis panggil penganjur forum

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata polis akan memanggil penganjur forum itu kerana gagal mematuhi peraturan Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012 ketika program itu.

"Kita akan panggil penganjur selepas polis selesai melakukan siasatan terhadap individu yang ditahan kerana melakukan kekecohan pada hari itu.

"Sebagai penganjur mereka sepatutnya bertanggungjawab di atas keseluruhan aspek keselamatan, termasuk lokasi dan peserta yang hadir bagi memastikan kelancaran sepanjang program itu berlangsung," katanya.

Khalid berkata, mengikut APA 2012, penganjur bertanggungjawab ke atas keselamatan orang ramai yang hadir dan program itu secara keseluruhan.

"Jadi, jangan ingat mereka boleh lepas tangan. Sepatutnya mereka kena buat peraturan, orang nak masuk apa yang tak boleh bawa," katanya.